

## **TEKS UCAPAN**

**Ybhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**

**Naib Canselor**

**Universiti Teknologi MARA**

Sempena

**Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman**

antara

**Universiti Teknologi MARA**

dengan

**Persatuan Sepaktakraw Malaysia ;**

antara

**Universiti Teknologi MARA**

dengan

**Muezza Education Group Sdn. Bhd.;**

antara

**Universiti Teknologi MARA**

dengan

**Persatuan Pengusaha & Penggerak Industri Drone  
(Mydrone)**

**17 Januari 2023 | Selasa**

**Ruang Legar Aras 7, Canseleri**

**UiTM SHAH ALAM**

**Terima kasih Pengerusi Majlis**

**Bismillahirrahmaanirrahim**

**(SALUTASI BERDASARKAN KEHADIRAN SEMASA  
MAJLIS)**

**Yang Berbahagia Dato' Mohd Sumali Reduan**

Presiden

Persatuan SepakTakraw Malaysia (PSM)

**Yang Berbahagia Tuan Anas Izuan Azmi**

Pengarah Urusan

Muezza Education Group Sdn. Bhd.

**Yang Berbahagia Dr. Roslan Basaruddin**

Timbalan Presiden

Persatuan Pengusaha & Penggerak Industri Drone  
(MyDrone)

**Yang Berbahagia Dr. Roslan Basaruddin**

Timbalan Presiden

Persatuan Pengusaha & Penggerak Industri Drone  
(MyDrone)

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohad Anizu Mohd Nor**

Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi

Universiti Teknologi MARA

**Barisan Pengurusan Kanan Universiti**

**Para Tetamu daripada Persatuan SepakTakraw  
Malaysia (PSM), Muezza Education Group Sdn.  
Bhd. dan Persatuan Pengusaha & Penggerak  
Industri Drone (MyDrone).**

**Rakan-rakan media serta tuan-tuan dan puan-puan  
yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.**

Alhamulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita diberikan ruang untuk bersama-sama dalam majlis **Menandatangani Memorandum Persefahaman antara UiTM dengan Persatuan SepakTakraw Malaysia (PSM), Muezza Education Group Sdn Bhd, dan Persatuan Pengusaha & Penggerak Industri Drone (MyDrone).**

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada ***Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi*** kerana telah menjayakan kerjasama dengan PSM, Muezza Education Group, dan MyDrone.

UiTM amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada PSM, Muezza Education Group, dan MyDrone atas kesediaan dan kesudian untuk berkolaborasi dengan pihak kami.

## **Hadirin sekalian,**

Inisiatif Memorandum Persefahaman bersama PSM, Muezza Education Group, dan MyDrone pada hari ini merupakan satu agenda yang penting, selaras dengan misi dan visi UiTM. UiTM yakin bahawa melalui kerjasama seperti ini, proses pemindahan ilmu dan penerapan nilai-nilai murni akan berterusan demi melahirkan modal insan yang berjaya, hoslitik dan berdaya saing ke arah kemajuan diri, masyarakat dan negara.

Memorandum persefahaman ini juga membuka peluang untuk UiTM menebarkan sayapnya menerusi pakar-pakar bidang untuk memartabatkan lagi industri sukan tanah air, samada dalam bentuk penyelidikan, penukaran maklumat, dan keilmuan era baharu yang bersifat dinamik seiring dengan norma baharu dalam kehidupan masa kini.

Ia juga memberikan peluang kepada UiTM untuk menyalurkan sumbangan secara langsung kepada kemajuan sukan negara dengan menyediakan peluang melanjutkan pelajaran kepada atlet dan juga menyediakan tenaga sukarelawan pelajar kepada pihak yang memerlukan.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

Kerjasama pada hari ini akan mampu membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada pengembangan sukan tanah air dan pengukuhan atlet-atlet pelapis yang berdaya saing menerusi perancangan dan strategi yang lebih bersepadu antara kedua-dua belah pihak.

Justeru itu, saya berharap agar inisiatif yang dilaksanakan menerusi jalinan kolaborasi ini akan memberikan impak terbaik dalam meningkatkan lagi tahap dan reputasi UiTM sebagai peneraju kepada kajian bermanfaat kepada masyarakat.

Sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan majlis kita pada hari ini. Semoga segala yang kita usahakan akan memberikan manfaat dan kecemerlangan kepada kedua-dua belah pihak. InsyaAllah.

**Sekian, Wabillahitaufikwalhidayah**

**Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**